

03 NOV 2002

Mahathir-Kemboja/I

DR MAHATHIR MINTA AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA BANTU KEMBOJA

Oleh: Tham Choy Lin dan Abdul Muin Majid

PHNOM PENH, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli perniagaan Malaysia di sini supaya bekerja seiringan dengan rakan setugas mereka di Kemboja untuk membantu memulihkan negara yang pernah musnah akibat perang itu.

Beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia mempunyai kepakaran serta teknologi untuk dipindahkan ke Kemboja dan menyuarakan harapan bahawa suatu hari nanti, syarikat-syarikat Malaysia serta Kemboja akan dapat menjalankan usahasama di negara-negara lain.

"Syarikat-syarikat Malaysia boleh bekerja dengan syarikat-syarikat Kemboja dan membantu mereka untuk tumbuh serta melakukan apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat Malaysia sekarang," katanya semasa berucap merasmikan loji tenaga kuasa diesel 35 megawatt, Cambodia Utilities Pte Ltd milik sebuah konsortium Malaysia yang diketuai Leader Universal Holdings Berhad di daerah Chak Angre kira-kira lima kilometer dari sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Kemboja Sar Kheng, Menteri Industri, Perlombongan dan Tenaga negara berkenaan Ith Praing dan Pengerusi Leader Universal Tan Sri Razali Ismail.

Perdana Menteri yang tiba di sini tengahari tadi bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-8 selama dua hari mulai esok, sebelum itu telah meninjau ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pochentong yang juga diuruskan oleh sebuah lagi syarikat milik Malaysia, Muhibbah Engineering (Cambodia,) Pte Ltd.

Dr Mahathir mengulangi bahawa ahli-ahli perniagaan Malaysia perlu mengikuti pendekatan "makmurkan jiran anda" dalam perniagaan mereka di luar negara agar kedua-dua pihak akan dapat meneruskan perdagangan.

Beliau mencadangkan rakyat Malaysia agar membantu membangunkan industri pelancongan Kemboja yang berpotensi tinggi memandangkan negara berkenaan mempunyai banyak daya tarikan dari segi sejarah dan purbakala.

Dr Mahathir, yang kemudiannya menghadiri majlis jamuan sempena Deepavali bagi masyarakat Malaysia di hotel penginapannya berkata syarikat-syarikat Malaysia juga tidak seharusnya melupakan tanggungjawab sosial mereka di Kemboja.

Beliau meminta mereka membantu sekolah-sekolah dan menyediakan bantuan latihan serta kemanusiaan yang lain.

Menteri Kemboja Ith Praing mempelawa lebih banyak syarikat Malaysia supaya membabitkan diri secara lebih aktif dalam program pembangunan di negaranya.

Semasa berucap pada majlis pelancaran loji tenaga, beliau berkata: "Saya mengakui banyak syarikat Malaysia yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan untuk menyertai secara aktif dalam pembangunan pelbagai sektor industri."

-- BERNAMA

TCL MAM MUN AFY ROS